



SIARAN MEDIA

‘E-NEGARAWAN’ PLATFORM LAWATAN SECARA MAYA KEPADA TOKOH-TOKOH NEGARA

ALOR SETAR, 6 Julai 2023 – Eksplorasi Negarawan ataupun e-Negarawan adalah satu produk yang dibangunkan oleh Arkib Negara Malaysia berkonsepkan **lawatan secara maya bagi menyebarluas maklumat dan pemahaman mengenai tokoh-tokoh negarawan di Malaysia**. e-Negarawan telah dilancarkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Auditorium Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah.

Sebanyak **sepuluh (10) Arkib Memorial** terlibat dalam projek ini iaitu:-

- i. Memorial Tun Abdul Razak;
- ii. Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan;
- iii. Pustaka Peringatan P. Ramlee;
- iv. Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad;
- v. Memorial Tunku Abdul Rahman Putra;
- vi. Rumah Kelahiran P. Ramlee;
- vii. Rumah Merdeka;
- viii. Memorial Tun Hussein Onn;
- ix. Memorial Tun Abdul Ghafar Baba; dan
- x. Memorial Negarawan

Kesemua Memorial tersebut **menyimpan bahan-bahan arkib yang berkaitan dengan dua belas (12) tokoh negarawan daripada pelbagai kaum dan agama**. Selain itu, terdapat juga sebuah memorial khusus untuk memperingati peristiwa bersejarah negara iaitu Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan yang terletak di Negeri Melaka. **Keunikan Arkib Memorial diperkuuhkan dengan elemen sejarah perjuangan kemerdekaan dan penubuhan Malaysia dalam pembentukan negara bangsa** melalui keperibadian serta personaliti tokoh-tokoh yang terlibat.

Pelancaran e-Negarawan ini adalah **selari dengan inisiatif ‘Ini Warisan Kita’ yang dibawa oleh Kementerian Perpaduan Negara bagi menyemai, memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan melalui rasa cinta kepada negara**. Platform lawatan maya sebegini seiring dengan perkembangan dan penggunaan teknologi digital masa kini yang bukan sahaja dapat menarik minat golongan muda malah mampu memperkasakan konsep kebudayaan pintar dan ekosistem pelancongan negara.

Pengunjung tempatan dan antarabangsa boleh menyusuri galeri maya ini secara percuma melalui #klikdijari, imbasan kod respon pantas (QR Code), media sosial rasmi Arkib Negara Malaysia atau laman sesawang di www.arkib.gov.my.

Kementerian Perpaduan Negara

6 Julai 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
 b.p.: Ketua Setiausaha
 Kementerian Perpaduan Negara
 Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
 E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (16)